



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 Mac 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Kerajaan tidak biarkan rakyat sendirian – Armizan

PAPAR - Kerajaan tidak membiarkan rakyat bersendirian berdepan isu kos sara hidup sebaliknya turut bersama mencari jalan untuk membantu meringankan beban yang ditanggung ketika ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ini merupakan antara cabaran berisiko tinggi yang dihadapi masyarakat dunia pada hari ini yang terpaksa berdepan dengan peningkatan harga barang dan sebagainya.

"Namun pada masa sama, kerajaan tidak menyerahkan bulat-bulat rakyat berhadapan dengan isu permintaan dan penawaran, harga barang yang meningkat, rakyat tidak dibiarkan begitu saja.

"Kita sentiasa mencari ikhtiar, sama ada program berbentuk mitigasi atau intervensi untuk kita membantu menyelesaikan isu-isu kos sara hidup bagi mengurangkan beban rakyat," katanya di sini

pada Sabtu.

Menurut Armizan, isu kos sara hidup bukan hanya di Malaysia tetapi merupakan isu yang turut dihadapi masyarakat di peringkat global.

"Di mana-mana negara di dunia, masyarakat berhadapan dengan isu inflasi, begitu juga dengan isu kos sara hidup ini.

"Jadi saya ingin memaklumkan bahawa sebagai kerajaan, baik di Persekutuan mahupun negeri sentiasa komited untuk membantu mencari ikhtiar bagi menangani isu kos sara hidup," katanya.

Ahli Parlimen Papar itu turut memberikan pelbagai contoh program bantuan tunai yang sedang dilaksanakan kerajaan bukan saja di peringkat Persekutuan tetapi juga di negeri.

Sehubungan itu, beliau sekali lagi membidas pihak yang menjadikan isu bantuan sebagai modal politik dengan memper-tikaikan program yang dilaksanakan kerajaan hari ini.



Armizan (kiri) menyempurnakan program SIM@PAX Hari Raya Aidilfitri Serta Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di Papar.



ARMIZAN (lima dari kanan) pada program SIM@PAX Hari Raya Aidilfitri Serta Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di Papar kelmarin.

'Kerajaan tidak biar rakyat sendirian'

PETALING JAYA – Pelaksanaan program berbentuk mitigasi atau intervensi untuk membantu menyelesaikan isu-isu kos sara hidup menjadi bukti jelas kerajaan tidak pernah membiarkan rakyat bersemdirian dalam menghadapi cabaran berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, masyarakat dunia pada ketika ini terpaksa berdepan dengan peningkatan harga barang dan sebagainya.

"Namun pada masa sama, kerajaan tidak menyerahkan bulat-bulat rakyat berhadapan dengan isu permintaan dan penawaran, harga barang yang meningkat, rakyat tidak dibiarkan begitu saja.

"Kita sentiasa mencari ikhtiar, sama ada program berbentuk mitigasi atau intervensi untuk kita membantu menyelesaikan isu-isu kos sara hidup bagi mengurangkan beban rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika berucap selepas menyempurnakan program SIM@PAX Hari Raya Aidilfitri Serta Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di Dewan Terbuka Tapak Tamu Mingguan Papar, Sabah kelmarin.

Katanya, isu kos sara hidup bukan sahaja dilalui rakyat Malaysia, namun merupakan cabaran yang perlu dihadapi seluruh masyarakat di peringkat global.

"Di mana-mana negara di dunia, masyarakat berhadapan dengan isu inflasi, begitu juga dengan isu kos sara hidup ini.

"Jadi saya ingin memaklumkan bahawa, sebagai kerajaan, baik di Persekutuan mahupun negeri sentiasa komited untuk membantu mencari ikhtiar bagi menangani isu kos sara hidup," katanya.

Tambahnya, bagi mendepani cabaran itu kerajaan di peringkat Persekutuan melaksanakan pelbagai program antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Program Sumbangan Asas Rahmah (SARA).



ARMIZAN (lima dari kiri) menyampaikan simbolik penyerahan bantuan Gas Petronas kepada salah seorang peniaga di majlis itu.

KPDN pertingkat penguatkuasaan

Iskandar Dzulkifli

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mempertingkatkan lagi penguatkuasaan bagi mengekang sebarang aktiviti penyeludupan barangan bersubsidi di musim perayaan ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, inisiatif itu akan dilaksanakan menerusi Ops Pantau dan Ops Tiris dengan kerjasama agensi berkaitan khususnya Agensi Kawasan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

"Kita akan aktifkan kerjasama sedia ada dengan agensi-agensi berkaitan antaranya AKPS yang mengawal selia sempadan, termasuk Agensi Penguatkuasaan Maritim (Maritim) dan PDRM (Polis Di Raja Malaysia).

"Bagi dalam negara, kita akan melaksanakan Ops Pantau manakala Ops Tiris di sempadan-sempadan untuk mengekang sebarang unsur yang melibatkan penyeludupan dan ketirisan barangan bersub-

sidi ini," katanya selepas menyempurnakan program SIM@PAX Hari Raya Aidilfitri Serta Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di Dewan Terbuka Tapak Tamu Mingguan Papar, di sini, Sabtu.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi Petronas Dagang Berhad, Azureen Azita Abdullah dan Pengurus Besar Petronas Sabah; Wilayah Persekutuan Labuan, Siti Ayu Abd Wahab dan wakil rakyat Limbahau, Datuk Juil Nuatim.

Bercakap mengenai program itu, Amizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, ia merupakan kerjasama Strategik KPDN dengan Petronas yang menawarkan khidmat servis kenderaan pada harga istimewa sempena Aidilfitri.

Melalui program itu katanya, sebanyak 96 bengkel Petronas AutoExpert (PAX) telah diwujudkan di seluruh negara dan menawarkan diskaun antara 10 hingga 30 peratus untuk perkhidmatan itu bermula 15 Mac hingga 29 Mac ini.

"Program ini menawarkan perkhidmatan servis kenderaan dengan harga lebih murah berbanding harga pasaran semasa bagi perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan termasuk minyak pelincir mineral dan semi-sintetik tulen.

"SIM@PAX merupakan inisiatif di bawah agenda Payung Rahmah Madani yang sebelum ini telah dimulakan sempena perayaan Tahun Baru Cina untuk memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

"Sebanyak lima PAX telah diwujudkan di Sabah dan ia akan turut diperluaskan dengan perkhidmatan servis kenderaan dan minyak pelincir bagi kenderaan jenis diesel, termasuk khidmat sama di Sarawak," katanya.

Terdahulu, seramai 100 peniaga bazaar ramadan di kawasan itu menerima sumbangan Gas Petronas termasuk penukaran silinder gas secara percuma sempena Program Ikhlas Ramadan yang turut dilancarkan di majlis itu.



KPDN perluas program Petronas AutoExpert (SIM@PAX) sempena Aidilfitri

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengumumkan Pelaksanaan Program Servis Ihsan Madani@Petronas Auto Expert (SIM@PAX) sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, SIM@PAX merupakan inisiatif baharu kerajaan di bawah agenda Payung Rahmah Madani yang telah dimulakan pada 24 Januari 2025 ketika menjelang musim perayaan Tahun Baha-ru Cina 2025.

Katanya, program kerjasama strategik KPDN dan Petronas ini menyasarkan pemberian manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dalam mendepani cabaran kos sara hidup melalui penjimatan kos bagi penyelenggaraan kenderaan sempena sambutan musim perayaan utama di Malaysia.



RASMI Armizan (dua dari kiri) merasmikan Program Servis Ihsan Madani@ Petronas AutoExpert (SIM@PAX) Hari Raya Aidilfitri serta Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di Papar.

"Melalui SIM@PAX, para pengguna berpeluang mendapatkan diskaun bagi perkhidmatan servis kereta termasuk produk minyak pelincir jenis mineral dan semi sintetik tulen antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas

merasmikan Program Servis Ihsan MADANI@Petronas AutoExpert (Sim@Pax) Hari Raya Aidilfitri serta Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di Dewan Terbuka Tamu Mingguan Papar, di sini.

Armizan berkata, melihat kepada sambutan yang menggalakkan dan manfaat yang diperoleh daripada program ini, pelaksanaan SIM@PAX

sempena Hari Raya Aidilfitri akan diperluaskan dengan menawarkan perkhidmatan servis kenderaan dan minyak pelincir untuk kenderaan jenis diesel.

Katanya, peluasan jenis minyak pelincir diesel ini adalah untuk membantu pengguna kenderaan jenis diesel khususnya di Sabah dan Sarawak agar dapat menikmati manfaat ini, selain membantu para peniaga kecil yang menjadikan kenderaan jenis enjin diesel seperti trak pikap sebagai kenderaan utama.

Pax Hari Raya Aidilfitri akan berlangsung bagi tempoh 15 hari bermula dari 15 hingga 29 Mac 2025 melibatkan 96 buah bengkel Petronas AutoExpert sedia ada di seluruh Malaysia.

Lokasi bengkel yang terlibat boleh disemak dengan melayari laman sesawang www.mymesra.com.my dan orang ramai adalah dipelawa untuk membuat tempahan janji temu servis kenderaan bermula hari ini menggunakan aplikasi Setel. -JT



Kerajaan Madani komited atasi kos sara hidup rakyat

PAPAR: Kerajaan Madani di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah komited dalam mengatasi kos sara hidup rakyat di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata pelbagai program sudah dan sedang dilaksanakan oleh kedua-dua kerajaan ini untuk mengatasi beban rakyat.

"Masalah kos sara hidup adalah masalah global namun demikian Kerajaan Madani dan Sabah tidak membiarkan menghadapi masalah ini bersendirian tetapi pelbagai usaha dibuat oleh kerajaan untuk mengatasinya," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Program Servis Ihsan Madani@ Petronas AutoExpert (Sim Pax) Hari Raya Aidilfitri dan Program Ikhlas



SAMPAIKAN...Armizan menyerahkan mok cek kepada wakil peniaga Bazar Ramadan.

Ramadan Bersama Gas Petronas di sini pagi kelmarin.

"Kerajaan tidak menyerahkan bulat-bulat masalah ini tapi kerajaan berusaha menanganinya dengan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk pemberian ban-

tuhan Saraan Hidup Rakyat (STR), Sara dan pemberian pelbagai bantuan terutama kepada golongan sasar oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah," katanya.

Ahli Parlimen Papar itu berkata sebagai tambahan

Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Haji Noor juga melaksanakan Program SYUKUR untuk rakyat di negeri ini yang berdaftar di bawah E-Kasih.

Menurut beliau mereka

yang layak menerima RM300 tunai setiap bulan untuk tempoh setahun untuk meringgankan beban hidup rakyat di Sabah.

Armizan berkata untuk program yang menyasarkan 100,000 orang rakyat miskin tegar dan miskin, Kerajaan Negeri membelanjakan RM358.5 juta untuk tahun ini sahaja dan dijangka meningkat tahun hadapan.

"Setakat ini lebih 72,000 yang layak telah menerimanya termasuk 1,544 dari Papar yang berpendapatan RM2,500 ke bawah," tambahnya.

Armizan berkata pelbagai usaha akan diteruskan untuk mengatasi beban hidup rakyat ini termasuk oleh agensi dan badan-badan Kerajaan Persekutuan dan Negeri melalui program amal dan kebajikan mereka (CSR).

Pada majlis itu Armizan berterima kasih kepada Petronas yang mengadakan program Rahmah dan CSR untuk membantu golongan sasar yang memerlukan.

Beliau berkata Program Servis Ihsan Madani yang dilancarkan pada Tahun Baharu Cina lalu amat baik kerana ianya lebih murah antara

10 sehingga 30 peratus kepada mereka yang membuat servis di enam buah Stesen Minyak Petronas di negeri ini.

Menteri itu juga berterima kasih kepada Petronas yang mengadakan Program Ikhlas Ramadan di mana Petronas akan memberikan 113 biji tong gas dan apron kepada para peniaga gerai di Bazar Ramadan di Papar.

"Usaha ini akan dapat membantu meringgankan kos perniagaan di gerai-gerai bazar sempena Ramadan ini yang semakin tahun semakin meningkat," tegas Armizan.

Pada majlis itu juga Armizan menyampaikan 50 Bantuan Rahmah CSR Mylpo kepada penduduk Papar yang terpilih.

Semasa majlis itu Armizan juga melakukan gimik pelancaran program dan menyerahkan bantuan kepada wakil-wakil penerima.

Turut hadir di majlis itu Ahli Dewan Undangan Negeri Limbahau, Datuk Juil Nuatim, Pegawai Daerah Papar, Muhammad Hj. Mohd Ali dan Datuk Rohaizi Bahari, Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, KPND.



96 Petronas AutoExpert workshops offer Aidilfitri service discounts

PAPAR: A total of 96 Petronas AutoExpert (PAX) workshops nationwide will offer special vehicle servicing rates under the Ihsan Madani Service Programme @ Petronas AutoExpert (SIM@PAX) in conjunction with Aidilfitri 2025.

Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Armizan Mohd Ali said the programme, running from March 15 to 29, offers discounts of 10 to 30 per cent below current market rates for car servicing, including mineral and semi-synthetic lubricants.

He said the strategic collaboration between the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) and Petronas is part of the government's Payung Rahmah MADANI agenda, which was first launched on Jan 24 in conjunction with the Chinese New Year celebration.

"SIM@PAX aims to benefit low-income groups by reducing vehicle maintenance costs during the festive season," he said in a statement after officiating the programme here yesterday.

According to him, the initiative will be expanded to include vehicle servicing and



SUPPORT... Armizan presents a mock cheque to a representative at the programme yesterday.

lubricants for diesel-powered vehicles, particularly to assist users in Sabah and Sarawak, as well as petty traders who rely on diesel-engine vehicles like pickup trucks.

The public can check the participating

workshop locations via www.mymesra.com.my and schedule a service appointment starting today through the Setel app.

Meanwhile, KPDN is also supporting the Ikhlas Ramadan Programme with Gas Pet-

ronas by donating Petronas gas cylinders to 100 Ramadan Bazaar traders at Tapak Tamu Mingguan, Papar. Traders will also receive free gas cylinder exchanges twice during the programme. – Bernama

K'jaan Pusat, negeri komited atasi kos sara hidup rakyat

Rakyat tidak dibiarkan hadapi masalah bersendirian, pelbagai usaha dilaksanakan termasuk pemberian STR: Armizan

PAPAR: Kerajaan MADANI di peringkat Persekutuan dan kerajaan negeri sentiasa komited dalam mengatasi kos sara hidup yang dihadapi rakyat negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pelbagai program terus dilaksanakan oleh kedua-dua kerajaan bagi membantu mengatasi beban rakyat.

"Masalah kos sara hidup adalah masalah global namun demikian Kerajaan MADANI dan Sabah tidak membiarkan rakyat menghadapi masalah ini bersendirian.

"Kerajaan tidak menyerahkan bulat-bulat masalah ini tetapi berusaha menanganinya dengan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk pemberian bantuan Saranan Hidup Rakyat (STR), serta pemberian pelbagai bantuan terutama kepada golongan sasar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Servis Ihsan MADANI@Petronas Autoexpert (Sim@Pax) Hari Raya Aidilfitri dan Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di sini kemas.



BAZAR: Armizan, Juil (kanan) dan tetamu jemputan lain semasa singgah melawat gerai di Bazar Ramadan.

ronas di sini kemas.

Ahli Parlimen Papar ini berkata, sebagai tambahan kerajaan negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor juga melaksanakan Program SYUKUR untuk rakyat di negeri ini yang berdaftar di bawah e-Kasih.

Menurutnya, mereka yang layak menerima RM300 tunai setiap bulan dalam tempoh setahun bertujuan membantu

meringankan beban hidup rakyat di Sabah.

Armizan berkata, untuk program yang menyasarkan 100,000 rakyat miskin tegar dan miskin, kerajaan negeri membelanjakan RM358.5 juta tahun ini dan ia dijangka meningkat tahun hadapan.

"Setakat ini lebih 72,000 yang layak menerimanya termasuk 1,544 orang dari Papar yang berpendapatan RM2,500 ke bawah," tambahnya.

Beliau berkata, pelbagai usaha akan diteruskan untuk mengatasi beban hidup rakyat ini termasuk oleh agensi serta badan kerajaan Persekutuan dan negeri melalui program amal dan kebajikan.

Pada majlis itu, Armizan berterima kasih kepada PETRONAS yang mengadakan program rahmah dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membantu golongan sasar yang memerlukan.



GIMIK: Armizan menyempurnakan gimik pelancaran Program Servis Ihsan MADANI@Petronas Autoexpert (Sim@Pax) Hari Raya Aidilfitri dan Ikhlas Ramadan Bersama Gas Petronas di Papar.

Beliau berkata, Program Servis Ihsan MADANI yang dilancarkan sempena Tahun Baharu Cina sememangnya bermanfaat kerana ia menawarkan diskaun antara 10 dan 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa bagi perkhidmatan servis kereta termasuk minyak pelincir mineral dan semisintetik bermula 15 hingga 29 Mac ini.

Selain itu katanya, usaha

PETRONAS mengagihkan sumbangan Gas PETRONAS kepada 100 orang peniaga Bazar Ramadan Tapak Tanu Mingguan Papar, termasuk penukaran silinder gas secara percuma sebanyak dua kali kepada peniaga yang terlibat.

"Usaha ini akan dapat membantu meringankan kos perniagaan di gerai-gerai bazar sempena Ramadan ini yang semakin tahun semakin meningkat," katanya.

Pada majlis itu, Armizan menyampaikan 50 Bantuan Rahmah CSR MyIpo kepada penduduk Papar yang terpilih.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbau Datuk Juil Nuan-tim; Pegawai Daerah Papar Muhammad Mohd Ali dan Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran Perniagaan, KPDN Datuk Rohaizi Bahari.

Discount for diesel car servicing from March 15 - 29

Hayati Dzulkifli

PAPAR: Motorists who use diesel will enjoy a discount of between 10 and 30 per cent for the service of their vehicles at five selected premises in Sabah from March 15 until 29, 2025, following implementation of Ihsan Madani@ Petronas Auto Expert (SIM@PAX) Service Program in conjunction with Aidilfitri.

Implementation of the SIM@PAX is a new government initiative of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) under the Rahmah Madani umbrella agenda that was first introduced during the recent Chinese New Year celebrations.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said this program is a strategic collaboration between KPDN and Petronas aims to provide benefits to low-income groups facing cost-of-living challenges through savings on vehicle maintenance during major festive seasons in Malaysia.

Through SIM@PAX, he said consumers will have the opportunity to receive discounts on car service, ranging from 10 to 30 per cent below current market prices, including choosing either mineral or pure semi-synthetic lubricants.

"The SIM@PAX Aidilfitri program will run for 15 days, from March 15 to 29, 2025, involving 96 existing Petronas AutoExpert workshops across Malaysia.

"The locations of the participating workshops can be checked by visiting the website www.mymesra.com.my, and the public is invited to make early service appointment bookings starting today using the Petronas's Setel app.

"In Sabah, there are five selected premises whereby each in Tawau and Sandakan and remaining three with each at Jalan Sulaman, Putatan and Jalan Papar Lama. A target of 10 to 15 premises will be established to carry out the vehicles maintenance service," Armizan said.

On another development, Armizan said KPDN will step up enforcement efforts to curb any smuggling of subsidized goods to neighbouring countries during festive season.

"We will activate our existing cooperation with related agencies, including AKPS, which oversees border control, as well as the Malaysian Maritime Enforcement Agency (Maritim) and the Royal Malaysia Police (PDRM).

"We implement Ops Pantau within the country, while Ops Tiris is being conducted at border areas to prevent any elements of smuggling and leakage of subsidized goods," he said.

202 lokasi PJRM di Negeri Sembilan sempena Ramadan: KPDN

SEREMBAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan melaksanakan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) di 202 lokasi di seluruh negeri sempena Ramadan.

Pengarahnya Muhammad Zahir Mazlan berkata ia membabitkan jualan Rahmah di premis, termasuk di beberapa pasar raya terpilih selain jualan secara bergerak serta Bazar Ramadan Rahmah (BRR).

“Tahun ini, tiga lokasi diadakan BRR iaitu di Bazar Stadium Tampin, Port Dickson dan Batu Kikir di Juasseh selama tiga hari hingga hari ini sekali gus memudahkan pengunjung dan pengusaha Menu Rahmah membeli barangan keperluan harian pada harga berpatutan.

“Program seperti

ini amat penting bagi membantu rakyat selain memastikan tiada yang tercicir, terutama ketika menyambut Ramadan yang penuh makna ini. Setakat ini sambutan orang ramai terhadap PJRM sangat menggalakkan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau turut memohon kerjasama pelbagai pihak termasuk jabatan dan agensi, persatuan, pertubuhan bukan kerajaan serta komuniti setempat untuk membantu menyebarkan maklumat mengenai PJRM.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai PJRM di laman sosial agensi itu iaitu Facebook: KPDN Negeri Sembilan; Instagram: kpdnns; TikTok: kpdnns dan laman X: KPDNNSembilan.

— Bernama

Peniaga bazar perlu pamer tanda harga, elak keliru pengguna

PORT DICKSON – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan meminta semua peniaga bazar Ramadan dan Aidilfitri di negeri ini untuk mempamerkan tanda harga yang jelas selain tidak melakukan promosi yang boleh mengelirukan pengguna.

Pengarahnya, Muhammad Zahir Mazlan berkata, tinjauan pihaknya pada tahun lalu mendapati, tidak meletakkan tanda harga yang jelas adalah kesalahan paling tinggi dicatatkan melibatkan peniaga terutamanya di bazar Aidilfitri.

Katanya, kesalahan kedua yang paling banyak dilakukan peniaga ialah membuat promosi yang mengelirukan pengguna.

"Sebagai contoh, dari jauh pengguna nampak seolah-olah harga yang ditawarkan ialah RM10 bagi 1 kilogram, rupanya-rupanya harga itu hanya untuk setengah kilogram.

"Kita nasihatkan peniaga tidak mengelirukan pengguna seperti ini kerana kita boleh mengambil tindakan (kompaun) ke atas mereka.

"Pamerkanlah tanda harga yang betul. Letakkanlah tanda harga pada tempat yang boleh dilihat dan gunakanlah alat timbang sukat yang telah ditentukan sahkan," katanya kepada pemberita selepas Op Peman-tauan Bazar Ramadan Rahmah di Bazar Ramadan Taman Politeknik, di sini kelmarin.

Beliau berkata, peniaga turut diingatkan untuk mengikut peraturan dan undang-undang ditetapkan termasuk tidak

“

Kita nasihatkan peniaga tidak mengelirukan pengguna seperti ini kerana kita boleh mengambil tindakan.”

menjual barangan menyalahi Akta Perihal Dagangan 2011 seperti barangan cetak rompak, tiruan dan lain-lain.

Sementara itu, katanya, terdapat tiga bazar Ramadan di negeri ini terpilih sebagai Bazar Ramadan Rahmah iaitu bazar di Politeknik Port Dickson, Stadium Tampin dan Batu Kikir, Juasseh.

Katanya, peniaga yang menawarkan menu rahmah akan diberikan insentif *e-wallet* bernilai RM100, manakala pengunjung juga akan mendapat insentif bernilai RM20.

"Peniaga yang menawarkan menu rahmah tidak melebihi RM5, kita bagi kad khas diskaun Rahmah, yang mana mereka boleh membeli bahan-bahan mentah untuk urusan perniagaan di pasar raya yang terlibat sebagai rakan strategik KPDN.

"Peniaga juga boleh membeli barangan keperluan perniagaan di program Jualan Rahmah Madani bergerak yang kita laksanakan pada harga 10 hingga 30 peratus lebih murah dengan jumlah lebih tinggi.

"Ini membolehkan mereka membeli bahan mentah pada harga lebih rendah," katanya.

Peniaga bazar wajib pameran tanda harga jelas - KPDN

PORT DICKSON - Peniaga bazar Ramadan dan Aidilfitri dinasihatkan supaya mempamerkan tanda harga dengan jelas bagi mengelak kekeliruan pengguna.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, pihaknya menerima banyak aduan tahun lalu berhubung perkara itu.

"Pamerkanlah tanda harga betul, tidak mengelirukan dan letakkan tanda harga pada lokasi senang dilihat serta gunakanlah alat timbang sukat ditentusahkan," katanya selepas Op Pemantauan Bazar Ramadan Rahmah di bazar Ramadan Politeknik Port Dickson di sini pada Sabtu.

Menurutnya, ada juga yang terkesan membuat iklan dan promosi mengelirukan.

"Sebagai contoh, ada menulis harga RM10 sekilogram tetapi apabila dilihat lebih dekat, ia sebenarnya



Muhammad Zahir meninjau gerai peniaga bazar Ramadan di Politeknik Port Dickson.

dijual RM10 setengah kilogram.

"Semua ini boleh diambil tindakan mengikut pelbagai akta yang dikuatkuasakan KPDN," katanya.

Selain itu katanya, bagi tempoh Januari hingga Sabtu, pihaknya merekodkan 310 aduan di seluruh negeri termasuk 107 kes membabitkan harga, transaksi dalam talian, (55),

barang kawalan (40), perkhidmatan mengelirukan (28), timbang dan sukat (2), iklan mengelirukan (19) dan jualan langsung (4).

Terdahulu, tiga bazar Ramadan di negeri ini terpilih sebagai Bazar Ramadan Rahmah (BRR) iaitu bazar di Politeknik Port Dickson, Stadium Tampin dan Batu Kikir.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kes kartel tipu bida

Lapan syarikat fail rayuan penalti RM92.8 juta dikenakan MyCC

Keputusan
suruhanjaya
disifatkan
tiada merit

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lapan syarikat yang dikenakan penalti RM92.8 juta oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) atas dakwaan terbabit dalam kartel tipuan bida tender terbuka akan memfailkan rayuan terhadap keputusan terbabit.

Lapan syarikat terbabit ialah IDX Multi Resources Sdn Bhd, Dutamesra Bina Sdn Bhd, Mangkubumi Sdn Bhd, Menang Idaman Sdn Bhd, Meranti Budiman Sdn Bhd, Pintas Utama Sdn Bhd, NYL Corporation Sdn Bhd dan Kiara Kilat Sdn Bhd.

Pengarah IDX Multi Resources Sdn Bhd, Rahmat Hidayat Mohamed, berkata mereka juga akan memohon penangguhan keputusan, sementara menunggu proses rayuan selain memfailkan notis rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan (CAT) dalam masa terdekat ini.

"Kami menyifatkan keputusan dan penalti dikenakan MyCC sebagai tiada merit. Kami akan mencabar penemuan MyCC ber-

hubung isu itu bagi mempertahankan reputasi, selain mendukung integriti.

"Bagi tujuan itu, kami sedang berunding dengan penasihat undang-undang untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi merayu dan memfailkan permohonan penangguhan keputusan itu buat sementara waktu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pada 28 Februari lalu, MyCC mengenakan penalti kewangan RM92.8 juta kepada lapan perusahaan kerana terbabit dalam kartel tipu bida melebihi 200 syarikat pada 2019.

Sebelum ini, MyCC membuat pengumuman melalui kenyataan media berkaitan cadangan keputusan terbabit pada April 2024.

Sehubungan itu, Rahmat Hidayat berkata, semua syarikat berkenaan menghantar permohonan semakan kehakiman pada Mei 2024 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan keputusan semakan kehakiman dijadualkan pada 30 April 2025.

Tender secara terbuka

"Namun MyCC mengeluarkan kenyataan media berhubung penalti kewangan (keputusan akhir denda) pada 28 Februari 2025 iaitu sebelum keputusan semakan kehakiman.

"Notis rayuan yang dikemukakan kepada CAT adalah berasaskan hujah yang kuat antaranya perolehan projek pada 2019 adalah secara tender terbuka

membabitkan 200 syarikat iaitu persaingan yang luas," katanya.

Rahmat Hidayat berkata, MyCC juga terbabit dan maklum tatacara perolehan di Kementerian Kewangan (MOF) sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya.

Selain itu, katanya, syarikat berkenaan tidak mempunyai kawalan *cut-off* harga tender terbuka kerana hanya dua peratus daripada jumlah syarikat terbabit dan ia tidak memberi sebarang impak kepada penilaian tender terbuka Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Harga tawaran yang dikemukakan adalah di bawah anggaran JKR, sekali gus tidak menyebabkan sebarang kerugian kewangan kepada kerajaan," katanya.

串通標政府工程罰款9280萬 8公司提出上訴

（吉隆坡9日讯）针对大马竞争委员会（MyCC）对8家涉嫌在政府标案中串通的公司开出共9280万令吉的罚款一案，这8家公司决定对有关的判罚提出上诉。

这8家公司分别是IDX Multi Resources有限公司、Dutamesra Bina有限公司、Mangkubumi有限公司、Menang Idaman有限公司、Meranti Budiman有限公司、Pintas Utama 有限公司、NYL Corporation 有限公司，以及Kiara Kilat有限公司。

IDX Multi Resources有限公司董事拉玛希达亚指出，他们将申请暂缓执行该决定，同时在等待上诉程序期间，向竞争上诉法庭（CAT）提交上诉申请，预计会在近期完成相关手续。

“这是因为我们认为该委员会所做出的裁决和罚款是毫无根据的，因此我们会挑战该委员会的裁决，捍卫我们的声誉和诚信。”

他表示，他们目前正在与法律顾问协商以采取适当的法律行动，包括提出上诉，并申请暂缓执行该决定。

此外，拉玛希达亚也透露，所有涉及的公司已于2024年5月向吉隆坡高庭提交司法复核申请，而司法复核的裁决预计将在今年4月30日出炉。

“然而，MyCC 却在2月28日发布有关最终罚款裁决的消息，而此时司法复核的裁决尚未有结果。”

他解释，他们向竞争上诉法庭提交的上诉申请是基于有力的论据，其中包括2019年相关项目的招标是通过公开招标方式进行的，共有200家公司参与竞标，当时竞争十分激烈。

他说，大马竞争委员会也参与并了解财政部的采购程序，而且在向中标承包商发出接受意向书（SST）之前，相关程序已得到确认。

拉玛希达亚表示，他与其他公司并没有掌控公开招标的“截标价格”（cut-off price），因为它们仅占所有竞标公司总数的2%，对公共工程局（JKR）的公开招标评估没有任何影响。

“我们提交的投标价格均低于公共工程局的估算，因此不会给政府造成任何财务损失。”（LPP）

指9280萬罰款裁決無根據 被控圍標8公司要上訴

(吉隆坡9日讯)针对大马竞争委员会 (MyCC) 对8家涉嫌在政府标案中串通的公司开出共9280万令吉的罚款一案，这8家公司决定对有关的判罚提出上诉。

这8家公司分别是IDX Multi Resources有限公司、Dutamesra Bina有限公司、Mangkubumi有限公司、Menang Idaman有限公司、Meranti Budiman有限公司、Pintas Utama有限公司、NYL Corporation有限公司，以及Kiara Kilat有限公

司。

IDX Multi Resources有限公司董事拉玛希达亚指出，他们将申请暂缓执行该决定，同时在等待上诉程序期间，向竞争上诉法庭 (CAT) 提交上诉申请，预计会在近期完成相关手续。

“这是因为我们认为该委员会所做出的裁决和罚款是毫无根据的，因此我们会挑战该委员会的裁决，捍卫我们的声誉和诚信。”

他表示，他们目前正在与法律顾问协商以采取适

当的法律行动，包括提出上诉，并申请暂缓执行该决定。

此外，拉玛希达亚也透露，所有涉及的公司已于2024年5月向吉隆坡高庭提交司法覆核申请，而司法覆核的裁决预计将在今年4月30日出炉。

“然而，MyCC 却在2月28日发布有关最终罚款裁决的消息，而此时司法覆核的裁决尚未有结果。”

他解释，他们向竞争上诉法庭提交的上诉申请是基于有力的论据，其中包括2019年相关项目的招标是通过公开招标方式进行的，共有200家公司参与竞标，当时竞争十分激烈。

他说，大马竞争委员会也参与并了解财政部的采购程序，而且在向中标承包商发出接受意向书 (SST) 之前，相关程序已得到确认。

称没掌控截标价格

拉玛希达亚表示，他与其他公司并没有掌控公开招标的“截标价格” (cut-off price)，因为它们仅占有所有竞标公司总数的2%，对公共工程局 (JKR) 的公开招标评估没有任何影响。

“我们提交的投标价格均低于公共工程局的估算，因此不会给政府造成任何财务损失。” (LPP)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harga naik, bazar Ramadan tetap ramai

SETIAP kali bulan puasa, isu kenaikan harga makanan dan minuman di bazar Ramadan pasti menjadi bualan ramai. Harga jualan tahun ini dibandingkan dengan tahun lalu, malah tahun-tahun sebelumnya.

Dahulu mereka kata bawa RM50 boleh dapat pelbagai juadah berbuka puasa, tetapi sekarang mungkin tiga atau empat juadah sahaja.

Bagi mereka yang berkeluarga besar dengan isi rumah lebih lima orang, mungkin memerlukan hampir RM100 setiap hari. Sekiranya 20 hari jejak kaki ke bazar Ramadan, kira-kira RM2,000 kos berbuka puasa diperlukan.

Misalnya sebelum ini, nasi lemak bertauk hanya RM6 hingga RM7 sebungkus, tetapi sekarang RM9 hingga RM10, manakala martabak harganya kini mencecah RM8 berbanding RM6 sekeping.

Itu belum lagi harga ayam percik, kambing bakar, nasi beriani, nasi arab dan roti john serta minuman viral lain. Yang pasti harga jualan makanan dan minuman di bazar Ramadan akan naik setiap tahun, bezanya cuma kenaikan yang berlaku itu sedikit atau banyak.

Blarpun berlaku kenaikan harga, kebanyakan bazar Ramadan di seluruh negara penuh dengan pengunjung. Waktu puncak orang ramai membanjiri bazar Ramadan di antara pukul 5.30 petang hingga 6.30 petang.

Bazar Ramadan sememangnya mencuri tumpuan ramai, pelbagai juadah menarik dan unik dijual, malah ada sesetengah hidangan hanya dijual pada bulan puasa.

Tidak hairanlah kebanyakan bazar Ramadan penuh dengan manusia. Rambang mata melihat juadah berbuka puasa membolehkan ramai yang lupa tentang harga, asalkan boleh memuaskan nafsu yang sedang lapar.

Sebahagian orang tidak kisah tentang harga yang mahal, asalkan juadah berbuka puasa yang dijual berkualiti, sedap dan kena dengan tekak. Ada pula yang berkira-kira dan hanya membeli juadah yang perlu mengikut duit poket.

Kenaikan harga makanan dan minuman sememangnya tidak dapat dielakkan. Peniaga tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya kerana mereka juga terpaksa membeli bahan mentah pada harga tinggi selain menanggung caj-caj lain termasuk sewa tapak.

Cuma kenaikan yang melampau itu tidak sepatutnya berlaku seperti martabak ayam dijual pada harga RM10 sekeping, sedangkan ia nipis dan isi ayam pun tak rasa.

Dalam tempoh seminggu Ramadan ini, kebanyakan peniaga meletakkan harga berpatutan, seiring kenaikan bahan mentah. Sukar untuk kita beli karipap pada harga 20 sen sahaja ketika ini. Perbandingan dengan zaman dahulu tidak lagi relevan.

Sekiranya kita mahu mengurangkan kos berbuka puasa, memasak sendiri di rumah adalah jalan terbaik untuk penjimatan, malah lebih banyak menu boleh disediakan.

Jika mengunjungi bazar Ramadan, hanya membeli kuih-muih atau air minuman. Ketika kita kelaparan, memang nafsu itu tinggi, semua nampak mahu dibeli dan akhirnya membazir begitu sahaja.

Kenaikan harga di bazar Ramadan sebenarnya boleh ditangani. Kita sendiri perlu bijak berbelanja. Tidak salah jejak kaki ke bazar Ramadan, tetapi jangan jadikan gerai-gerai jualan di situ sebagai dapur harian kita.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 MAC 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Mar	Kerajaan ambil langkah intervensi segera, atasi gangguan bekalan minyak masak botol	https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-ambil-langkah-intervensi-segera-atasi-gangguan-bekalan-minyak-masak-botol/	TV3
10-Mar	Kerajaan pertimbang insentif khas kepada syarikat pembungkus minyak masak kemasan botol - KPDN	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-pertimbang-insentif-khas-kepada-syarikat-pembungkus-minyak-masak-kemasan-botol-kpdn	ASTRO AWANI
10-Mar	Pertimbang insentif khas pastikan bekalan segera minyak masak botol di pasaran	https://www.kosmo.com.my/2025/03/07/pertimbang-insentif-khas-pastikan-bekalan-segera-minyak-masak-botol	KOSMO
10-Mar	KPDN Limbang melaksanakan Ops Pantau sehingga Aidilfitri	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/07/kpdn-limbang-laksanakan-ops-pantau	UTUSAN BORNEO
10-Mar	PETROSNIaga sedang berusaha tubuh loji pembotolan LPG sementara di Bintulu	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/07/petrosniaga-sedang-berusaha-tubuh-loji-pembotolan-lpg-sementara	UTUSAN BORNEO
10-Mar	Loji pembotolan sementara ditubuhkan di Bintulu	https://utusanarawak.com.my/loji-pembotolan-sementara-ditubuhkan-di-bintulu/	UTUSAN SARAWAK
10-Mar	Aduan bazar Ramadan: 4 peniaga tidak letak tanda harga, mahal	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1194359/aduan-bazar-ramadan-4-peniaga-tidak-letak-tanda	HARIAN METRO
10-Mar	Barangan keperluan asas mencukupi di Labuan-Junaidah	https://www.borneodailybulletin.com/barangan-keperluan-asas-mencukupi-di-labuan	BORNEO DAILY

10-Mar	Kerajaan tidak biar rakyat sendirian hadapi kenaikan kos sara hidup	https:// www.kosmo.com.my/2025/03/09/kerajaan-tidak-biar-rakyat-sendirian-hadapan-kenaikan-kos-	KOSMO
10-Mar	K'jaan Pusat dan Negeri komited atasi kos sara hidup rakyat: Armizan	https:// www.borneodailybulletin.com/kjaan-pusat-dan-negeri-komitedatasi-kos-sara-hidup-	BORNEO DAILY
10-Mar	PJRM At 202 Locations In N. Sembilan During Ramadan - KPDN	https://bernama.com/en/ general/news.php? id=2400480	BERNAMA
10-Mar	202 Lokasi PJRM di Negeri Sembilan sempena Ramadan - KPDN	https:// www.astroawani.com/ videos/video-terkini- x7sio1/202-lokasi-pjrm-di- negeri-sembilan-sempena-	ASTRO AWANI
10-Mar	Fined companies to appeal MyCC's RM92.8mil penalty	https://www.nst.com.my/ news/ nation/2025/03/1185875/ fined-companies-appeal-	NEW STRAITS TIMES